



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**BAHAN SASTERA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU:  
SATU PERBANDINGAN MINAT ANTARA PELAJAR SAINS  
DENGAN PELAJAR SASTERA**

**AKUB BIN PEHEN**

**FPP 1998 40**

**BAHAN SASTERA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU:  
SATU PERBANDINGAN MINAT ANTARA PELAJAR SAINS  
DENGAN PELAJAR SASTERA**

**AKUB BIN PEHEN**

**Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Sebagai Sebahagian  
Daripada Syarat Ijazah Master Sains Di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia**

**1998**



## Dedikasi

Ayah dan ibu yang amat dikasih  
jasa dan pengorbananmu amat dihargai  
segala kepayahanmu tidak akan dilupakan  
walaupun tidak sempat kita berkongsai bersama  
menyaksikan kejayaan anakmu ini  
namun seringku doakan agar roh  
ayah dan ibu selamat dan sejahtera  
dan dicucuri rahmat llahi  
AMIN

Buat kakak dan abang-abang, ahli keluarga yang disayangi  
kerjasama, sokongan, bantuan dan budi baik kelian  
tetapi tersemat di sanubariku

sahabat-sahabatku  
yang banyak membantu dari segi sokongan moral, buah fikiran  
dan segalanya, tetap juga dirahmati Allah

## **PENGHARGAAN**

### **DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MENGASIHAN!**

Segala puji hanya bagi Allah Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S A W Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya dapat saya menyempurnakan Kertas Projek ini

Saya mengambil kesempatan ini ingin merakamkan setinggi penghargaan dengan ucapan terima kasih kepada Encik Mohd Zainuddin Hashim selaku penyelia BBM 598 Kertas Projek, kerana atas kesabaran dedikasi dan tidak jemu memberi bimbingan ikhlas serta tunjuk ajar yang amat berguna dari awal hingga akhir penyediaan kertas projek ini

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Mansor, semua guru serta pelajar yang terbabit dan telah sudi berkongsi tenaga bagi memperoleh data kajian ini

Akhirnya, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat yang memberi sumbangan kepada saya, sama ada secara langsung atau tidak langsung Segala jasa baik dan kerjasama semua yang terbabit, hanya Allah juga yang membalaunya

Sekian, terima kasih

Akub Bin Pehen

MAC 1998



## **SENARAI KANDUNGAN**

**Halaman**

PENGHARGAAN	III
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	VIII
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
<b>BAB I PENDAHULUAN</b>	
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	9
Objektif Kajian	17
Persoalan Kajian	1
Batasan Kajian	18
Definisi Konsep	19
Bahan Sastera	19
Pembelajaran Bahasa Melayu	20
Minat	21
Pelajar Sains dan Sastera	21
Kepentingan Kajian	22
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN</b>	
Pendahuluan	24
Penggunaan Bahan Sastera Dalam Pembelajaran Bahasa	25
Genre-Genre Kesusasteraan Dalam Pembelajaran Bahasa	26

Minat Pelajar Terhadap Bahan Kesusasteraan	35
Perbezaan Minat Pelajar Terhadap Bahan Kesusasteraan Berdasarkan Jantina	39
Minat Pelajar Terhadap Jenis-Jenis Bahan Kesusasteraan	42
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
Rekabentuk Penyelidikan	45
Prosedur Kajian	46
Sampeling	47
Soalselidik	48
Soalselidik Latar Belakang Sampel Yang Dikaji	49
Solaselidik Tentang Data Minat Membaca Bahan Kesusasteraan Melayu	49
Solaselidik Untuk Melihat Hubungan Minat Dengan Pemahaman Pelajar Dengan Jenis Bahan-Bahan Sastera	50
Ujian Rintis	53
Tatacara Menjalankan Soal Selidik dan Ujian Kefahaman	54
Penganalisisan Data	56
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
Pendahuluan	57
Menganalisis data tentang penggunaan perpustakaan dan minat pelajar membaca genre kesusasteraan Bahasa Melayu	57
Penganalisisan data pelajar	58
Penggunaan perpustakaan sekolah	67
Minat pelajar membaca bahan-bahan kesusasteraan Bahasa Melayu	67

Melihat minat pelajar Sains dan Sastera terhadap bahan-bahan kesusasteraan dalam pembelajaran Bahasa Melayu	86
Faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap setiap genre kesusasteraan	90
Melihat perbezaan minat pelajar pelajar Sains dan Sastera terhadap setiap genre kesusasteraan dalam pembelajaran Bahasa Melayu	94
Perbezaan minat terhadap genre cerpen antara pelajar Sains dengan pelajar Sastera	94
Perbezaan minat terhadap genre prosa klasik antara pelajar Sains dengan pelajar Sastera	96
Perbezaan minat terhadap genre puisi moden antara pelajar Sains dengan pelajar Sastera	98
Perbezaan minat terhadap genre puisi klasik antara pelajar Sains dengan pelajar Sastera	100
Mengenalpasti perbezaan pencapaian ujian kefahaman terhadap setiap genre kesusasteraan antara pelajar Sains dengan pelajar Sastera	102
Taburan dan peratus perbezaan pencapaian ujian kefahaman genre cerpen antarapelajar Sains dengan pelajar Sastera	102
Taburan dan Peratusan perbezaan pencapaian ujian kefahaman genre prosa klasik antara pelajar Sains dengan pelajar Sastera	105
Taburan dan peratus perbezaan pencapaian ujian kefahaman genre puisi moden antara pelajar Sains dengan pelajar Sastera	107
Taburan dan peratusan perbezaan pencapaian ujian kefahaman genre puisi klasik antara pelajar Sains dengan pelajar Sastera	109

Melihat hubungan perbezaan antara minat dengan pencapaian setiap genre kesusasteraan dalam pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Sains dan Sastera	112
Kesimpulan	117
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
Pendahuluan	119
Minat pelajar aliran Sains dan Sastera menggunakan perpustakaan dan minat mereka membaca bahan-bahan kesusasteraan	120
Minat pelajar aliran Sains dan Sastera terhadap bahan-bahan kesusasteraan dalam pembelajaran Bahasa Melayu	123
Perbezaan minat antara pelajar Sains dengan Sastera setiap genre kesusasteraan dalam pembelajaran Bahasa Melayu	125
Perbezaan pencapaian dalam ujian kefahaman terhadap bahan-bahan kesusasteraan antara pelajar Sains dengan Sastera	128
Hubungan antara minat dengan pencapaian setiap genre kesusasteraan antara pelajar Sains dengan Sastera	130
Cadangan	132
Kesimpulan	137
<b>BIBLIOGRAFI</b>	139
<b>LAMPIRAN</b>	145

	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>Halaman</b>
JADUAL 1	Jadual Kajian	55
JADUAL 2	Taburan Sampel Mengikut Jantina	56
JADUAL 3	Taburan Dan Peratus Sampel Mengikut Ras	59
JADUAL 4	Latar Belakang Pendidikan Sekolah Rendah Sampel	60
JADUAL 5	Pencapaian Bahasa Melayu Dalam PMR	61
JADUAL 6	Bilangan dan Peratus Pelajar Aliran Sains dan Sastera dan Tahap Kebolehan Bahasa Melayu	62
JADUAL 7	Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	64
JADUAL 8	Taburan Kekerapan dan Peratus Pekerjaan Ibu Bapa Sampel	65
JADUAL 9	Kekerapan dan Peratus Pelajar Ke Perpustakaan Mengikut Jantina	67
JADUAL 10	Kekerapan dan Peratus Pelajar Dua Aliran Ke Perpustakaan	68
JADUAL 11	Kekerapan dan Peratus Jangkamasa Pelajar Membaca di Perpustakaan	70
JADUAL 12	Kekerapan dan Peratus Pelajar Mengikut Aliran Terhadap Membaca Bahan-Bahan Bacaan	72
JADUAL 13	Kekerapan dan Peratus Pelajar Mengikut Aliran Terhadap Membaca Genre Kesusastraan	73
JADUAL 14	Kekerapan dan Peratus Pelajar Dua Aliran Terhadap Minat Membaca Genre Cerpen Melayu	76
JADUAL 15	Kekerapan dan Peratus Pelajar Dua Aliran Terhadap Membaca Genre Hikayat Melayu	78
JADUAL 16	Kekerapan dan Peratus Pelajar Dua Aliran Membaca Genre Sajak Melayu	80
JADUAL 17	Kekerapan dan Peratus Pelajar Dua Aliran Membaca Genre Pantun Melayu	82
JADUAL 18	Kekerapan dan Peratus Pelajar Membaca Bahan Bahan Sastera Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	84
JADUAL 19	Kekerapan dan Peratus Pelajar Aliran Sains dan Sastera Terhadap Empat Genre Kesusastraan	86
JADUAL 20	Kekerapan dan Peratus Pelajar Yang Menunjukkan Faktor-Faktor Yang mempengaruhi Minat Pelajar Terhadap Petikan Prosa Moden - Cerpen, "Pilihan"	90
JADUAL 21	Kekerapan dan Peratus Pelajar yang Menunjukkan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Terhadap Prosa Klasik	91
JADUAL 22	Kekerapan dan Peratus Pelajar Yang Menunjukkan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Terhadap Puisi Moden - Sajak	92

JADUAL 23	Kekerapan dan Peratus Pelajar yang Menunjukkan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Terhadap Puisi Klasik- Pantun Enam Kerat	93
JADUAL 24	Taburan Kekerapan dan Peratus Minat Pelajar Aliran Sains dan Sastera terhadap Cerpen	94
JADUAL 25	Taburan Kekerapan dan Peratus Minat Pelajar Aliran Sains dan Sastera terhadap Prosa Klasik	96
JADUAL 26	Taburan Kekerapan dan Peratus Minat Pelajar Aliran Sains dan Sastera terhadap Puisi Moden	98
JADUAL 27	Taburan Kekerapan dan Peratus Minat Pelajar Aliran Sains dan Sastera terhadap Puisi Klasik Pantun Enam Kerat	100
JADUAL 28	Kekerapan dan Peratus Perbezaan Pencapaian Ujian Kefahaman Bagi Genre Cerpen Antara Pelajar Sains Dengan Pelajar Sastera	102
JADUAL 29	Kekerapan dan Peratus Perbezaan Pencapaian Ujian Kefahaman Bagi Genre Prosa Klasik Antara Pelajar Sains Dengan Pelajar Sastera	105
JADUAL 30	Kekerapan dan Peratus Perbezaan Pencapaian Ujian Kefahaman Genre Puisi Moden - Sajak, Antara Pelajar Sains Dengan Pelajar Sastera	107
JADUAL 31	Kekerapan dan Peratus Perbezaan Pencapaian Bagi Puisi Klasik ( Pantun Enam Kerat) Antara Pelajar Sains Dengan Pelajar Sastera	109
JADUAL 32	Hubungan Antara Minat Setiap Genre Kesusasteraan Dengan Pencapaiannya Di kalangan Pelajar Sains dan Sastera Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	112
JADUAL 34	Rumusan Hubungan Antara minat Dengan Pencapaian Pelajar Dua Aliran Terhadap Bahan-Bahan Kesusasteraan Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	114

## **SENARAI SINGKATAN**

- PMR - Penilaian Menengah Rendah
- SPM - Sijil Pelajaran Malaysia
- KBSM - Kurikulum Baru Sekolah Menengah

## **LAMPIRAN**

- A - Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- B - Soalselidik Kajian

## **ABSTRAK**

### **TAJUK**

**BAHAN SASTERA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SATU  
PERBANDINGAN MINAT ANTARA PELAJAR SAINS DENGAN PELAJAR SASTERA**

**OLEH**

**AKUB BIN PEHEN**

Penyelia      En Mohd Zainuddin Hashim  
Fakulti        Pengajian Pendidikan

Penyelidikan ini dibuat kerana terdapat pelajar tidak minat terhadap bahan-bahan sastera seperti prosa moden, prosa klasik, puisi moden dan puisi klasik dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kebanyakan pelajar lemah dalam bacaan dan memahami kandungan bahan-bahan sastera. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis minat pelajar Sains dan pelajar Sastera terhadap bahan-bahan sastera dalam pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan Lima. Objektif kajian adalah untuk menganalisis kekerapan dan minat pelajar menggunakan perpustakaan dan membaca bahan-bahan kesusasteraan. Juga untuk mengenalpasti perbezaan pencapaian ujian kefahaman dan melihat hubungan minat dengan pencapaian pelajar aliran Sains dengan pelajar Sastera terhadap bahan-bahan sastera dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Kaedah tinjauan dan ujian kefahaman digunakan untuk mengukur hubungan antara minat dengan pemahaman pelajar terhadap bahan-bahan sastera. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Mansor, Bahau dengan melibatkan 100 pelajar Tingkatan Lima Sains dan Sastera.

Berikut ialah keputusan yang diperoleh daripada penganalisisan data

- a) pelajar Sains lebih kerap ke perpustakaan dan membaca bahan-bahan bacaan termasuk sastera
- b) perbezaan tahap minat terhadap bahan-bahan sastera bagi pelajar kedua-dua aliran tidak jauh bezanya
- c) terdapat perbezaan signifikan antara pencapaian dalam ujian pemahaman bacaan bagi setiap genre sastera di kalangan pelajar Sains dengan pelajar Sastera, dan
- d) terdapat hubungan yang teguh antara minat dengan setiap pencapaian ujian kefahaman terhadap setiap bahan sastera di kalangan pelajar kedua-dua aliran yang dikaji. Kajian juga mendapat tidak terdapat perbezaan hubungan antara minat dengan aliran dan jantina pelajar yang dikaji. Hal ini bermakna pelajar kedua-dua aliran, pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap minat yang hampir sama terhadap genre sastera yang dikaji.

Kesimpulannya, penekanan terhadap pemilihan, penyesuaian dan penggunaan bahan-bahan sastera amat penting dalam bacaan dan kefahaman perlu diberikan oleh para pendidik untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dengan ini matlamat pendidikan Bahasa Melayu akan tercapai sepertimana yang diharapkan.

## **ABSTRACT**

Abstract of the project paper research submitted to Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

Topic

LITERATURE MATERIALS IN LEARNING BAHASA MELAYU A COMPARISON OF INTEREST BETWEEN SCIENCE STUDENTS AND ARTS STUDENTS

By

AKUB BIN PEHEN

Instructor      En Mohd Zainuddin Hashim  
Faculty         Educational Studies

This study was conducted because it has been observed that there is a lack of interest shown by the students towards literature materials such as modern prose, classical prose, modern poetry and classical poetry in the learning of Bahasa Melayu. Most of the students are weak in the reading and understanding the content of the text in question. The aim of the research is to analyse the interests shown by the Science and Arts students towards literature materials that are used in the learning of Bahasa Melayu at Form 5 level. The objectives of this research are to analyse the frequency and interest regarding the use of the literature materials in the library to observe and compare the interest shown by students of both streams towards reading literature, to identify the difference between their performance in comprehension tests, and to find the relationship between interest and performance regarding literature materials in the learning of Bahasa Melayu.

The survey method and comprehension tests were employed to establish the relationship between the interest and understanding shown by the students towards the literature materials. The study was conducted at Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Mansor, Bahau and involving 100 Form V students from the Science and Arts streams.

The following are the results obtained from the analysis,

- a) science students frequent the library more often than the Arts students to read literature materials
- b) there is very little difference between each stream as far as the level of interests are concerned
- c) there is a significant difference between the performances of the Science and Arts students in the reading comprehension test involving each genre literature material, and
- d) there is also a strong relationship between interest and performance of Science and Arts students in the comprehension test involving each literature genre but there is no relationship between interest, streaming and sex in this research. This means that students of both streams, whether male or female, possess almost the same level of interest towards the literary genre.

In conclusion, the selection, adaptation and the use of literature materials in reading and comprehension lessons should be given more emphasis in order to improve the students performance in Bahasa Melayu so as to achieve the goal of Bahasa Melayu teaching.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Bahan kesusasteraan Melayu banyak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah. Penggunaan bahan sastera ini telah diakui oleh Asmah Hj Omar (1978) iaitu bahan sastera banyak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua di peringkat sekolah menengah rendah dan menengah atas. Menurut beliau lagi, bahan kesusasteraan sudah lama digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan ini terdapat dalam Sukatan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Rendah ( Tingkatan 1 hingga 3) selepas tahun 1957 ( Asmah Hj Omar, 1984 7- 8 )

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilaksanakan pada tahun 1988. Kurikulum KBSM ini telah menetapkan bahan kesusasteraan digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat awal pada kelas peralihan hingga sekolah menengah atas. Namun demikian tumpuan diberikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kertas II bagi peringkat Tingkatan IV dan V.

Tetapi pada tahun 1991, bahan kesusasteraan yang digunakan dalam Kertas II dalam kertas Bahasa Melayu di peringkat Tingkatan VI telah diasingkan daripada Bahasa Melayu dan ditawarkan sebagai satu mata pelajaran tersendiri yang setaraf dengan mata pelajaran lain

Kepentingan penggunaan bahasa sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 1992, Kementerian Pendidikan telah menetapkan dalam Sukatan Pelajaran bagi Program Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sekolah menengah atas iaitu enam waktu bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Satu daripada enam waktu ini dikhaskan bagi penggunaan pengajaran dan pembelajaran yang berunsurkan sastera.

Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu pula disenaraikan antara 40 hingga 70 tajuk bahan kesusasteraan seperti novel, antologi cerpen, prosa klasik, antologi drama, dan antologi puisi. Kesemua genre dan tajuk bahan kesusasteraan tersebut disesuaikan mengikut keupayaan dan minat bagi setiap pelajar di semua aliran sekolah menengah atas. Bahan-bahan bacaan kesusasteraan ini boleh digunakan sebagai bahan bacaan tambahan dan juga sebagai bahan rangsangan untuk satu-satu masa pelajaran Bahasa Melayu dalam kelas bagi setiap minggu persekolahan. Dalam pembelajaran bahasa Melayu, bahan-bahan kesusasteraan digunakan dalam kemahiran bacaan dan kefahaman, puisi, lakonan, karangan, dan peribahasa. Bahan-bahan untuk bacaan dan kefahaman melibatkan prosa dan puisi.

Bahan-bahan kesusasteraan dalam pembelajaran Bahasa Melayu memang penting kerana bahan ini dapat memberi beberapa kebaikan dalam pengembangan ilmu yang pelbagai kepada pelajar Menurut Raminah Sabran ( 1985) antara kebaikannya adalah

- a bahan sastera dapat menjadi insperasi dengan memupuk dan membina prihatin manusia kerana bahan ini boleh menyatakan perasaan dan membawa pembaca kepada emosi yang mendalam tentang watak sesebuah karya,
- b bahan sastera dapat melahirkan insan yang liberal kerana mempunyai potensi mendidik, dan dapat menolong pembaca memahami kehidupan Karya sastera juga boleh membantu kanak-kanak dalam pembinaan sahsiah,
- c bahan sastera juga merangsang pembaca meningkatkan kebolehan empatik dan kreatif,
- d bahan sastera dapat membina perkembangan bahasa Terdapat interaksi yang berterusan antara pembaca dengan bahasa tulisan dan pertuturan,
- e bahan sastera seperti seni lain, memaparkan kehidupan, mententeramkan keadaaan huru-hara yang gelap dan mencadangkan alternatif untuk mengatasi masalah

Menurut Hanafi (1994 xi ) menggunakan unsur sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu supaya pelajar dapat

- a) meningkatkan dan mengukuhkan ketrampilan berbahasa,
- b) menghayati karya sastera,
- c) menghayati keindahan bahasa dalam karya sastera dan menggunakan dalam penulisan,
- d) menerapkan dan mengamalkan pengajaran nilai positif dalam kehidupan,
- e) menghasilkan karya sastera sesuai dengan kebolehan masing-masing dan
- f) membina dan memupuk budaya membaca

Selain itu, penggunaan bahan sastera sebagai bahan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah atas mesti memenuhi matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ( 1987 )

“membimbang pelajar menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tak rasmi dan kreatif melalui pertuturan, penulisan ( rumi dan jawi ) selaras dengan dasar pendidikan negara”

(Kementerian Pendidikan Malaysia , 1987 1)

Dalam KBSM juga menetapkan objektif pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan-bahan sastera. Antara lain objektifnya ialah untuk memungkinkan pelajar-pelajar membaca pelbagai jenis bahan dengan cekap dan kritis dan juga sebagai satu amalan untuk menambah ilmu pengetahuan, memenuhi masa lapang, dan juga untuk mendapat atau menguasai kemahiran mendengar, bertutur, dan menulis. Penekanan kepada pembacaan pelbagai jenis bahan yang dimaksudkan ialah melalui pembacaan ilmu dan kesusasteraan seperti yang termaktub dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM 1988 ( Goh Ong Sing, 1991 : 210 ).

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM, juga ada menggariskan beberapa matlamat untuk meningkatkan penguasaan bahasa, kemahiran berfikir serta menghayati dan menikmati bahan sastera. Antara matlamat-matlamat tersebut;

- i) menghargai dan membanggakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam bahasa resmi negara serta menjadi alat perpaduan rakyat sesuai dengan prinsip-prinsip Rukunegara;
- ii) memahami sistem bahasa Melayu dari segi bentuk makna dan fungsinya dan menggunakannya dengan tepat dalam kehidupan seharian.
- iii) menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan;
- iv) menggunakan Bahasa Melayu dengan berkesan dalam perhubungan harian;
- v) membaca pelbagai bahan atau bahasa sebagai satu amalan untuk menimba ilmu pengetahuan dan memahami.

( Kementerian Pendidikan Malaysia 1990:1)

Penggunaan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa, dapat mendidik pelajar menguasai kemahiran berbahasa dan ketepatan dalam penyampaian supaya dapat melahirkan pelajar yang lancar dalam berkomunikasi, kritis, analitis dan kreatif. Pelajar juga didedahkan dengan kemahiran berfikir, menggalakkan pelajar mengkritik dan menyoal untuk mendapat maklumat yang difikirkan tidak sesuai setelah melihat sesuatu dari sudut kebaikan, keburukan, implikasi dan sebagainya.

Azman Wan Cik ( 1980) mengatakan bahawa bahan kesusasteraan dalam kurikulum sekolah dapat membentuk personaliti, mengasah pemahaman pemikiran, menghalusi nilai keindahan, juga merupakan perantaraan yang penting dalam proses seseorang kanak-kanak, menguasai dan memperoleh nilai-nilai hidupnya untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan “ bertemadun” . Juga, dianggap bahan kesusasteraan dapat membentuk manusia menjadi lebih sensitif terhadap kehidupan dan sebagai model kehidupan masyarakat sehari-hari. Bahan kesusasteraan dapat memperkaya dan memperkuuh kemahiran bahasa pelajar. Menurut Nik Safiah Karim ( 1988 : 85), bahan kesusasteraan yang mengandungi ciri-ciri konotatif, ekspresif, sugestif, asosiatif amat sesuai digunakan untuk tujuan memupuk kemahiran bahasa seperti mendengar, membaca, dan menulis. Bahan kesusasteraan juga penting untuk membantu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu pelajar terutamanya di peringkat sekolah menengah atas. Memang tidak dapat dipertikaikan lagi sebagaimana kenyataan Robert Frost iaitu bahan sastera berupaya menjadi kita lebih bijaksana ( Jeniri Amri, 1988 : 31 )

Bahan-bahan kesusasteraan juga mengandungi pelbagai maklumat berhubung dengan moral, kemasyarakatan, ekonomi dan politik yang mencerminkan pemikiran dan budaya sesuatu masyarakat. Fenomena ini diteguhkan lagi dengan pernyataan Rees, R J ( 1973 : 15) iaitu dengan menggunakan bahan kesusasteraan adalah hampir sama dengan penggunaannya dalam pembelajaran sejarah dan falsafah sesuatu masyarakat, hal ini lebih cenderung memahami diri kita dan masyarakat sekitarnya. Beliau juga menambah apabila mempelajari bahan kesusasteraan yang baik, kita lebih banyak mempelajari kesusasteraan negara-negara lain. Kita mula memahami dan berkongsi masalah manusia sejagat. Kesemua ini pastinya sesuatu yang penting untuk mengorak kehadapan untuk memahami masalah masyarakat antarabangsa dan kedamaian dunia. Kandungan sesuatu bahan kesusasteraan mempunyai konsep nilai-nilai murni yang boleh diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Menyedari hakikat ini, bahan kesusasteraan wajar diberi perhatian dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSM. Selain itu, penggunaan bahan kesusasteraan dalam pengajaran bahasa, pelajar boleh diberi kesedaran tentang penggunaan laras dan gaya bahasa sastera yang memiliki ciri-ciri estetika. Di samping itu penggunaan bahan sastera juga dapat membantu mempertajam minda dan kepekaan pelajar dalam berkomunikasi.

Kesimpulannya, bahan kesusasteraan memang wajar digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kerana bahan ini dapat mendidik pelajar untuk menjadi seorang pembaca tulin, mendidik pelajar untuk memahami dan menghayati unsur serta nilai kebaikan dan hiburan yang terdapat dalam karya sastera dan untuk mendidik pelajar menjadi pembaca yang setia dan kritis sepanjang hayat. Di samping itu untuk mendedahkan kepada pelajar tentang lingkungan kehidupan manusia serta memperkaya mutu peribadi pelajar yang kompleks iaitu pengkayaan ke arah memilih keupayaan mengingat, mengumpul bahan, melakukan imaginası dan kreativiti, ( Hashim Awang 1988)

### **Pernyataan Masalah**

Penggunaan bahan-bahan kesusasteraan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dilaksanakan di peringkat sekolah menengah sejak tahun 1991. Penetapan ini dibuat adalah untuk mempelbagaikan bahan pembelajaran dan juga untuk mendedahkan bahan kesusasteraan Melayu kepada semua pelajar.

Sukatan Kurikulum Sekolah Menengah ( KBSM) telah menetapkan bahan-bahan kesusasteraan wajib dipelajari seperti mana yang terdapat dalam Kertas 11 Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Menengah (SPM ) . Oleh itu semua pelajar sama ada pelajar aliran Sains atau Sastera mesti mempelajari genre-genre kesusasteraan seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Walaupun pelajar aliran Sastera telah didedahkan dengan bahan

kesusasteraan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tetapi terdapat juga pelajar ini yang kurang atau tidak berminat mempelajari bahan-bahan kesusasteraan ini. Hal ini adalah disebabkan mereka tidak ada mata pelajaran yang lain untuk dipelajari.

Pelajar aliran Sains pula memang kurang didedahkan dengan bahan-bahan kesusasteraan Melayu. Ada antara mereka hanya mempelajari bahan ini semasa berada di sekolah menengah dan tumpuan lebih hanya di tingkatan empat. Oleh sebab itu sebilangan besar pelajar aliran Sains kurang berminat terhadap bahan ini terutamanya pelajar bukan Melayu. Mereka beranggapan bahawa bahan kesusasteraan ini adalah satu bahan pembelajaran yang baru. Misalnya karya sastera klasik seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Panji Semerang, dan hikayat-hikayat lain agak sukar malah memeningkan dan kompleksitinya untuk mengingati serta mengenali nama-nama watak-watak dan ditambah pula bahasanya yang agak asing mereka (Azman Wan Cik 1981 ).

Kebanyakan pelajar sama ada pelajar aliran Sains dan Sastera kurang berminat atau tidak berminat bahan-bahan kesusasteraan ini kerana mereka mempunyai tanggapan sambil lewa, selalu dianggap terdiri daripada karya-karya ringan, karya remeh-temeh ( Rahman Shaari 1994). Pelajar juga membuat tanggapan bahawa bahan kesusasteraan ini agak membosankan terutamanya genre prosa klasik dan sajak. Genre prosa klasik mempunyai bahasa meleret-leret yang susah difahami dan isi ceritanya kebanyakan berbentuk dongeng. Sajak pula menggunakan bahasa yang susah dan terlalu tinggi maknanya sukar untuk pelajar memahai dan menghayati ( A Ikram 1976 8 )